

Kosmo
14/11/16
mls 2

Seluruh hospital kerajaan dijangka kuat kuasa harga baharu mulai 1 Disember

Caj wad, rawatan naik 50 peratus

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan dijangka menaikkan caj wad dan rawatan di seluruh hospital kerajaan di negara ini sehingga 50 peratus mulai Disember ini.

Kenaikan tersebut didakwa melibatkan pesakit-pesakit yang dirawat di kelas 1 dan kelas 2. Kenaikan itu juga dikatakan melibatkan semua jenis rawatan untuk warganegara seperti bayaran wad am dan wad bersalin, rawatan pesakit ditahan dalam wad, fisioterapi, radioterapi dan nuklear, nefrologi serta psikiatri.

Namun begitu bagi pesakit warganegara yang memilih untuk dirawat di kelas 3, caj wad dan rawatan kekal dengan kadar lama.

Difahamkan, taklimat berhubung kenaikan caj perubahan di hospital-hospital kerajaan itu sedang berlangsung secara berperingkat melibatkan semua zon di seluruh negara sejak Oktober lalu.

Selepas itu, berkuat kuasa 1 Disember ini atau selewat-lewatnya awal Januari 2017, semua caj rawatan di hospital kerajaan akan dinaikkan 50 peratus.

Dianggarkan sebanyak 75 peratus daripada 31 juta penduduk negara ini memilih hospital kerajaan bagi mendapatkan rawatan berbanding hanya 25 peratus yang memilih hospital swasta.

Ketika ini Malaysia mempunyai 143 buah hospital kerajaan dengan 41,389 buah katil manakala 183 buah hospital swasta dengan 12,000 katil.

Satu sumber di Kementerian Kesihatan memberitahu, antara alasan utama kenaikan tersebut disebabkan caj rawatan di hospital kerajaan didakwa tidak pernah dinaikkan sejak tahun 1982.

Selain itu, kenaikan tersebut juga didakwa dibuat ekoran caj rawatan di hospital-hospital



KEMENTERIAN Kesihatan dijangka menaikkan caj wad dan rawatan di semua hospital kerajaan sehingga 50 peratus mulai Disember ini. – Gambar hiasan



PESAKIT yang dirawat di wad kelas 3 tidak terlibat dengan kenaikan caj rawatan dan wad. – Gambar hiasan



CONTOH caj wad kelas 1 di hospital kerajaan yang dijangka naik 50 peratus iaitu daripada RM80 kepada RM120. – Gambar hiasan

“Terdapat peserta taklimat tidak bersetuju dengan kenaikan caj baharu di hospital kerajaan kerana bimbang menimbulkan rungutan orang awam dan pesakit

SUMBER KEMENTERIAN KESIHATAN

kerajaan masih rendah jika dibanding dengan negara-negara ASEAN lain.

Dakwa sumber itu lagi, taklimat berhubung kenaikan caj rawatan tersebut melibatkan wakil-wakil daripada Unit Hasil dan Kewangan, Unit Teknologi Maklumat dan vendor-vendor yang terlibat dengan pengendalian sistem di hospital-hospital kerajaan.

“Terdapat dalam kalangan peserta taklimat yang tidak ber-

setuju dengan kenaikan caj baharu di hospital kerajaan kerana bimbang boleh menimbulkan kekeliruan serta rungutan daripada orang awam dan pesakit,” dakwa sumber itu ketika dihubungi *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Berikutan itu, jelas sumber itu, Kementerian Kesihatan didakwa akan menguatkuasakan kenaikan caj tersebut secara mengejut iaitu tanpa maklumat atau edaran surat kepada orang awam dan pesakit.

“Pesakit yang mendapat rawatan hanya mengetahui mengenai kenaikan itu ketika mereka membuat bayaran,” katanya.

Sebagai contoh, jika caj rawatan bersalin secara pembedahan di kelas 1 ialah RM800 manakala kelas dua RM400 dan jika berlaku kenaikan sebanyak 50 peratus, pesakit perlu membayar RM1,200 untuk kelas 1 dan RM600 untuk kelas 2.

Bayaran bagi wad kelas 1 pula akan meningkat kepada RM120 berbanding hanya RM80 sebelum kenaikan manakala pesakit di wad kelas 2 yang sebelum ini hanya perlu membayar RM20 selepas ini perlu membayar RM30.

Walau bagaimanapun, selepas kenaikan caj di hospital kerajaan tersebut, ia dikatakan masih rendah berbanding caj yang diken-

INFO

Caj rawatan di hospital kerajaan

Jenis Rawatan	Harga Sekarang	Harga Selepas Kenaikan 50%
Wad kelas 1 (sehari)	RM80	RM120
Wad kelas 2 (sehari)	RM20	RM30
Wad kelas 3 (sehari)	RM3	RM3
Bersalin bedah kelas 1	RM800	RM1,200
Bersalin bedah kelas 2	RM400	RM600
Bersalin bedah kelas 3	RM100	RM100
Bersalin biasa kelas 1	RM300	RM450
Bersalin biasa kelas 2	RM150	RM225
Bersalin biasa kelas 3	RM10	RM10
Psikiatri kelas 1	RM750	RM1,125
Psikiatri kelas 2	RM300	RM450
Psikiatri kelas 3	Percuma	Percuma
Rawatan kemoterapi kelas 1	RM200	RM300
Rawatan kemoterapi kelas 2	RM100	RM150
Rawatan kemoterapi kelas 3	RM50	RM50

kan di hospital-hospital swasta.

Mengulas lanjut, sumber itu memberitahu, semasa taklimat berlangsung, pegawai yang memberi penerangan mengenai perubahan kadar rawatan itu didakwa tergesa-gesa kerana bimbang maklumat yang dipaparkan di skrin direkod oleh peserta sebelum diviralkan di media sosial.

“Ini kerana terdapat beberapa peserta yang merekod dan mengambil gambar ketika sesi penerangan.

“Menyedari perbuatan peserta itu, pegawai yang memberi penerangan memberi amaran supaya perkara itu dihentikan bagi mengelakkan maklumat bocor,” dakwa sumber itu.